

KUTKM, MGBM anjur kursus celik komputer

Archival News | Berita Harian | 13/06/2003

MELAKA: Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM), dengan kerjasama Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) menganjurkan kursus celik komputer dua kali setiap bulan bermula Sabtu pertama dan ketiga bulan ini.

Pengarah Pusat Komputer KUTKM, Mohd Isa Mohd Dom, berkata kursus yang diadakan di Dewan Siber, Pusat Komputer KUTKM bertujuan membantu belia memahami dunia teknologi maklumat (IT) dalam era globalisasi ketika ini.

"Langkah ini adalah selaras dengan amanat Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam yang mahukan MGBM menjadi badan menggerakkan golongan belia di negeri ini mempelajari dan mendalami ilmu IT.

"Ia juga sebagai menyahut seruan kerajaan negeri untuk melahirkan masyarakat celik IT sejajar dengan pelancaran Tahun ICT Melaka, tahun ini," katanya di sini.

Beliau berkata, ketika kursus dijalankan belia terbabit akan dibahagikan kepada dua kategori iaitu kumpulan lemah IT dan kumpulan pertengahan yang mempunyai asas pengkomputeran tetapi belum masih bagi memudahkan mereka mengikutinya.

(END) Source : Berita Harian